

أنق كونچي شركا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI رحمه الله**

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allahmengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 12 (ms 15-16)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau, Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ □ □ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِ□□ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَكُمْ وَبَثَّ فِيهِمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ الْأَرْحَامَ ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisaa':1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ، وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أصدقَ الحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُدَنَّاتُهَا ، وَكُلُّ مُدَنَّةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .¹

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'alaihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'alaihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'alaihi wa sallam* *sallallahu'alaihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (I/392-393), Abu Daud (no. 1097 dan 2118), an-Nasa'i (III/104-105), at-Tirmidzi (no. 1105), Ibnu Majah (no. 1892), al-Hakim (II/182-83), ath-Thayalisi (no. 336), Abu Ya'la (no. 5211), ad-Darimi (II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anh*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata: "Khutbah ini adalah sunnah, dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah, fiqih, menasihati orang dan semacamnya... Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah, sebahagian kepada sebahagian yang lainnya..." (*Majmuu' Fatawaa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku "Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah" oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 15 -16

“AQA’ID AL-IMAN”

TAUHID AL – ASMA’ WA AS SIFAT

(Ertinya : **MengEsakan Allah Ta’ala Daripada Segala Nama-Nya dan Sifat-Nya**)

Dan bahawa Allah Ta’ala bersifat Ia dengan segala sifat kesempurnaannya yang layak dengan Dia, tiada dapat dihingga banyaknya. Maka wajib atas kita membenarkan akan segala nama dan segala sifat Allah Ta’ala yang tersebut di dalam Al-Quran dan hadith-hadith yang shahih.

Dan mensifatkan kita akan Allah Ta’ala dengan Dia dengan ketiadaan menyerupakan dan ketiadaan memalingkan daripada maknanya, bahkan kita serahkan hakikatnya kepada Allah Ta’ala, kerana seperti tiada mengetahui kita akan hakikat zat Allah Ta’ala, tiada mengetahui kita akan hakikat sifat-Nya, maka kita i’tiqadkan akan bahawa Allah Ta’ala Mendengar kita, dan Melihat Ia tiada seperti melihat kita dan Berkata-kata Ia tiada seperti berkata-kata kita.

Bahkan seperti mendengar dan melihat dan berkata-kata yang patut padan dengan kebesaran-Nya, tiada mengetahui akan hakikat-Nya melainkan Allah Ta’ala jua, Dan kita I’tiqadkan bahawa;

- Ada bagi Allah Ta’ala muka, tiada seperti muka hamba-Nya
- Dan bagi-Nya tangan, tiada seperti tangan yang baharu.
- Dan Marah Ia, tiada seperti marah yang lain daripada-Nya.
- Dan Turun Ia, tiada menyerupai dengan turun manusia, bahkan seperti muka dan tangan dan marah dan turun yang layak dengan kebesaran-Nya, kerana firman-Nya;

- لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya: “Tiada seumpama Allah Ta’ala sesuatu , dan Ia jua yang sangat Mendengar lagi yang sangat Melihat.” (Surah Asy-Syuura 42:11)

Bermula perkataa-Nya : **لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ** , itu menolak akan puak yang menyerupakan Allah Ta’ala dengan hamba-Nya, seperti Daud Al- Jawaribi dan yang menyerupainya.

Dan perkataan-Nya : **“ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ”** , itu menolak akan puak yang mengosongkan Tuhan daripada sifat, seperti Jahmiyyah.

Dan firman-Nya :

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

Ertinya : “Bersabda olehmu,wahai Rasulullah: Seru oleh kamu akan Allah,atau seru oleh kamu akan ar-Rahman,dengan bahawa berkata kamu akan barangmana daripada keduanya kamu seru.Maka ia elok kerana bagi Allah Ta’ala nama-nama yang elok.”(Surah Al-Isra’ : Ayat 17 :110)

Dan bahawa segala sifat dan segala nama Allah Ta’ala itu sedia, seperti zat-Nya, tiada ada daripadanya sesuatu yang baharu.

Wallahua’lam.

Syarah²

² Asy Syeikh *rahimahullah* turut menjelaskan **Tauhid Asma’ wa Sifat** ini dalam kitabnya yang lebih tebal iaitu “**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**” ms 31, terbitan Al-Hidayah,2012 seperti berikut :

“Dan adapun tauhid Asma’ was Sifat maka iaitu **percaya dan membenarkan akan sekalian yang datang di dalam al Quran dan segala hadith yang shahih daripada segala nama dan sifat Allah Ta’ala** . Dan mensifatkan Allah Ta’ala dengan dia atas hakikat,dengan ketiadaan menyerupakan dan memalingkan daripada zahirnya.

Bahkan diserahkan hakikatnya kepada Allah Ta’ala, kerana seperti tiada mengetahui akan hakikat zat Allah melainkan Allah Ta’ala. Demikian juga tiada mengetahui akan hakikat sifat Allah **Ta’ala** melainkan Allah Ta’ala.

Maka **wajib atas tiap-tiap mukallaf mensifatkan Allah Ta’ala dengan barang yang mensifatkan Ia dengan dia akan dirinya**.Dan dengan barang yang mensifatkan dengan dia oleh Rasul-Nya,serta dii’tiqadkan bersalahannya dengan segala sifat makhluk.

Maka kita i’tiqadkan bahawasanya Allah **Ta’ala Mendengar** tiada seperti mendengar kita, dan **Melihat** ia tiada seperti melihat kita dan **Berkata-kata** Ia tiada seperti berkata-kata kita.

Dan Marah Ia tiada seperti marah makhluk,dan Turun Ia tiada menyerupai akan turun baharu. Bahkan seperti Marah dan Turun yang layak kepada-Nya dengan kebesaran-Nya dan bagi-Nya Tangan tiada seperti tangan hamba-Nya,dan bagi-Nya Muka sebagai Muka yang patut padan dengan Dia. Dan bersifat Ia dengan *Istiwa’* tetapi tiada seperti *istiwa’* baharu.

Bertanya seorang lelaki akan Imam Malik *rahimahullah* daripada ayat:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٢٠﴾

Ertinya: “Bermula Tuhan yang sangat pemurah tetap ia di atas ‘Arasy” (**Thaha:5**).

Maka menundukkan Imam Malik akan kepalanya pada masa yang panjang,kemudian berkata ia :

”Bermula (tetap) itu diketahui akan dia,dan kelakuan-Nya tiada dapat dengan ‘aql,dan beriman dengan Dia wajib,dan bertanya daripadanya bid’ah.Dan tiada aku sangka akan dikau melainkan sesat .

(الاسْتِوَاءُ مَعْلُومٌ وَ الْكَيْفُ مَجْهُولٌ وَالْإِيْمَانُ بِهٖ وَاجِبٌ وَالسُّؤَالُ عَنْهٖ بَدْعَةٌ)

Maka dihalau akan dia. Pendeknya,sifat Allah T'ala bersalah-salahan dengan zat baharu,dan **tiada mengetahui oleh makhluk akan hakikat sifat Allah Ta'ala sekali pun rasul dan malaikat**, seperti tiada mengetahui oleh yang baharu akan hakikat zat-Nya yang Maha Mulia.

Dan kita serahkan akan hakikat-Nya kepada Allah Ta'ala,serta kita i'tiqadkan bahawasanya segala sifat-Nya itu semuanya sifat kesempurnaan yang layak dan patut padan dengan kebesaran-Nya,seperti firman-Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٠١﴾

Ertinya: “...tiada seumpamaNya sesuatu,dan Ia jua yang Sangat Mendengar lagi Sangat Melihat.” (Asy Syuura:11)

Dan firman Allah Ta'ala:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Ertinya: “Bersabda olehmu hai Rasulullah:”**Bermula Tuhan aku yang kamu bertanya daripadanya Allah Ta'ala Tuhan yang Maha Esa, dan Allah Ta'ala itu Tuhan yang diqasatkan pada segala hajat selama-lama.Tiada Ia beranak dan tiada diperanakan,dan tiada ada seorang yang menyamai dan sama tara dengan Dia.**” (al Iklash:1-4)

Wallahua'lam.

Telah berfirman Allah Ta'ala:

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ..

Ertinya: Bersabda olehmu wahai Rasulullah bagi mereka itu;”Seru oleh kamu akan Allah,atau seru oleh kamu akan Ar-Rahman,dengan bahawa berkata kamu:”Ya Allah,ya Rahman”,akan barang mana daripada keduanya kamu seru akan ia elok, kerana bagi Allah Ta'ala beberapa nama yang elok.”...(al Isra':110)

Dan bersabda Rasulullahsallallahu'alaihi wa sallam :

إِنَّ ۙ تِسْعَى تِسْعِينَ اسْمًا مَائِلَةً وَإِدَامُنْ أَحْصَاهَا دُونَ الْجَنَّةِ

Ertinya: “Bahawasanya bagi Allah Ta'ala yang Maha Mulia lagi Maha Besar 99 Nama,barangsiapa menghafal akan dia,nescaya masuk ia ke dalam syurga serta sekalian yang mula-mula masuk.”

(هو الله الذي لا اله الا هو) Ia jua Allah yang tiada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia. (disenaraikan 1 - 99 nama-nama Allah dari ms 36-45)

Berkata Al-Imam An Nawawi rahimullah :

Telah bersetuju sekalian ulama atas bahawasanya ini hadith tiada ada padanya menyimpankan segala nama Allah Ta'ala,maka tiada maknanya bahawasanya tiada ada bagi Allah Ta'ala nama yang lain daripada yang 99 ini. Dan hanyasanya maksud bagi hadith ini bahawasanya ini yang 99 barangsiapa menghafal akan dia nescaya masuk ia ke dalam syurga.

Maka bermula yang dikehendaki mengkhabarkan dengan masuk syurga dengan menghafalnya tiada mengkhabarkan dengan menyimpankan segala nama Tuhan. Dan kerana itu datang pada hadith yang lain;

أسألك بكل اسم هو لك سميت به نفسك أو أنزلته في كتابك أو استأثرت به في علم الغيب عندك

Sebelum kita membahaskan apa yang dinyatakan oleh asy Syeikh rahimahullah pada matan ini, ada beberapa mukaddimah penting yang perlu saya sampaikan terlebih untuk difahami dengan jelas dan benar agar terbebas dari kekeliruan iaitu berkaitan;

- A. Definisi Asma' wa Sifat
- B. Kepentingan Mengimani dan Mempelajari Tauhid Asma' was Sifat
- C. Kaedah Dalam Memahami Tauhid Asma' wa Sifat
- D. Memahami Kalam asy Syeikh rahimahullah pada menjelaskan Tauhid Asma' wa Sifat (syarah terhadap matan ini)

Sesungguhnya mentauhidkan Allah Ta'ala dalam Asma' dan Sifat-Nya merupakan salah satu bahagian dari tiga tauhid yang wajib diyakini seseorang muslim, iaitu Tauhid Rububiyah, Tauhid Uluhiyah dan Tauhid Asma' (nama) dan Sifat.

Oleh itu mengenal Nama-nama dan Sifat-sifat Allah Ta'ala memiliki kedudukan dan erti penting dalam agama. Seseorang tidak akan dapat beribadah kepada Allah Ta'ala secara sempurna dan keyakinan yang benar sebelum mengetahui nama dan sifat Allah Ta'ala .

Firman Allah Ta'ala :

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.” (al A'raf:180)

A. Definisi³ :

I. Asma' (Nama):

“Nama (isim) adalah “sesuatu yang menunjukkan sebuah makna dalam dirinya. Sedangkan nama-nama benda adalah kata-kata yang menunjukkan kepadanya. Dikatakan bahawa : Nama adalah sesuatu yang memberitahukan tentang sesuatu yang diberi nama (*musamma*), dan katakerja (fi'il) adalah sesuatu yang memberitahukan tentang gerak geri yang diberi nama.”

Ertinya: Aku pohonkan akan Dikau dengan tiap-tiap nama yang Engkau namakan dengan dia akan zat Engkau dan yang ketunggalan Engkau dengan dia pada mengetahui yang ghaib di sisi Engkau. (HR Ahmad(1/394,452) disahihkan oleh Ibnu Hibban(2372), al Hakim(1/519)

Wallahua'lam.

³ sumber rujukan : dari buku tulisan , Syeikh Alwi bin Abdul Qadir as-Segaf صفات الله عز وجل الواردة في الكتاب والسنة

Dalam bahasa yang mudah, Asma' (Nama) adalah panggilan untuk Allah Ta'ala yang telah ditetapkan sendiri oleh Allah Ta'ala dan kita mengetahuinya melalui al Quran dan Hadis-hadis yang shahih.

II. Sifat :

“Nama yang menunjukkan pada sebahagian keadaan dari Zat, dan sifat tersebut merupakan sesuatu yang terjadi dengan mengambil sesuatu dari Zat tersebut, seperti ilmu, kekuasaan, dan sebagainya.”

B. Kepentingan Mengimani dan Mempelajari Tauhid Asma' was Sifat ⁴ :

Mengenal dan mempelajari nama-nama dan sifat-sifat Allah Ta'ala sangatlah agung, penuh dengan kebaikan dan keutamaan, serta mengandungi beraneka ragam buah dan manfaatnya.

Keutamaan dan keagungan perihal mendalami ilmu *Al-Asma' Al-Husna* akan lebih jelas dengan memerhatikan beberapa keterangan berikut ;

Pertama:

Ilmu tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah ilmu yang paling mulia dan paling utama, yang kedudukannya paling tinggi dan derajatnya paling agung.

Tentunya hal ini sangat diketahui karena *kemuliaan suatu ilmu pengetahuan bergantung kepada jenis pengetahuan yang dipelajari dalam ilmu itu*. Sementara itu, telah dimaklumi pula bahwa tiada yang lebih mulia dan lebih utama daripada ilmu tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah yang terkandung dalam Al-Qur'an yang mulia dan Sunnah Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*.

Abu Bakr Ibnul 'Arabi *rahimahullah* berkata;

“Kemuliaan sebuah ilmu bergantung kepada apa-apa yang diilmui padanya. Sementara itu, (mengenal Allah) *Al-Bari* adalah semulia-mulia pengetahuan. Oleh karena itu, mengilmui nama-nama-Nya adalah ilmu yang paling mulia.”^[1]

Oleh karena itu, mempelajari dan mendalami makna *Al-Asma' Al-Husna* adalah amalan yang paling utama dan mulia.

⁴ Penjelasan tentang tajuk ini diambil dari tulisan Ustazuna Abu Muhammad Dzulqarnain as Sunusi hafizahullah, di www.dzulqarnain.net/pentingnya-mengenal-al-asma-al-husna.html dengan sedikit ubahsui bahasa(Bahasa Indonesia ke Bahasa Malaysia)

Kedua:

Mengenal Allah dan memahami nama-nama dan sifat-sifat-Nya akan menambah kecintaan hamba kepada *Rabb*-nya, akan membuat seorang hamba semakin mengagungkan dan membesarkan-Nya, lebih mengikhlaskan segala harapan dan tawakkal hanya kepada-Nya, serta membuat rasa takutnya terhadap Allah semakin mendalam.

Tatkala pengetahuan dan pemahaman seorang hamba akan nama-nama dan sifat-sifat *Rabb*-nya semakin kuat dan mendalam, akan semakin kuat pula tingkat penghambaan-Nya kepada Allah, semakin tulus sikap berserah dirinya kepada syariat Allah, serta semakin tunduk kepada perintah Allah dan semakin jauh meninggalkan larangan-Nya.

Ketiga:

Mengenal Allah Ta'ala dengan nama-nama dan sifat-sifat-Nya adalah dasar keimanan dan, dengan itu pula, iman akan semakin bertambah.

Syaikh Abdurrahman bin Nashir As-Si'di *rahimahullah* berkata, “Sesungguhnya, mengimani dan mengenal *Al-Asma` Al-Husna* merangkumi tiga jenis tauhid: tauhid *Rubûbiyyah*, tauhid *Ulûhiyyah*, dan tauhid *Al-Asma` wa Ash-Shifat*.

Tiga jenis tauhid ini adalah pusat dan ruh iman, serta pokok dan puncak (keimanan). Oleh karena itu, setiap kali pengetahuan hamba akan nama-nama dan sifat-sifat Allah Ta'ala semakin bertambah, akan bertambah pula keimanan dan akan semakin kuat keyakinan (hamba) tersebut.”^[2]

Demikian pula sebaliknya, siapa saja yang pengetahuannya tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah kurang, kurang pula keimanannya.

Siapa saja yang mengenal Allah Ta'ala, ia akan mengenal segala sesuatu selain Allah Ta'ala. Namun, siapa saja yang keadaannya justru sebaliknya, perhatikanlah firman-Nya,

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾

“Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa terhadap Allah maka Allah menjadikan mereka lupa terhadap diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang fasik.” [Al-Hasyr 59: 19]

Cermatilah ayat di atas. Ketika seseorang lupa terhadap Allah Ta'ala, maka Allah Ta'ala membuatnya lupa terhadap dirinya sendiri, lupa terhadap apa-apa yang merupakan kebbaikannya, serta lupa terhadap sebab-sebab keberuntungannya di dunia dan akhirat.

Keempat:

Sesungguhnya Allah Ta'ala mengadakan makhluk yang sebelumnya mereka tidaklah pernah terwujud dan tidak pernah tersebut. Allah Ta'ala juga memudahkan segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi untuk mereka serta memberikan berbagai nikmat kepada mereka yang tidak

mungkin bisa dijumlah dan dihitung. Seluruh hal tersebut adalah agar mereka mengenal Allah Ta'ala dan menyembah-Nya. Allah Ta'ala berfirman,

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴿١٢﴾

“Allah-lah yang menciptakan tujuh langit, seperti itu pula bumi. Perintah-Nya berlaku padanya agar kamu mengetahui bahwa Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan sesungguhnya Allah, ilmu-Nya benar-benar meliputi segala sesuatu.” [Ath-Thalaq 65: 12]

Allah Ta'ala berfirman pula,

﴿ قُلْ أَبَيْتُكُمْ لِتَكْفُرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُ إِندَادًا ذَٰلِكُمْ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠﴾ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ مِن فَوْقِهَا وَبَدَرَ فِيهَا قُوتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً لِّلسَّائِلِينَ ﴿١١﴾ ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ائْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿١٢﴾ ﴾

“Katakanlah, ‘Sesungguhnya, patukah kamu kafir terhadap yang menciptakan bumi dalam dua hari dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? (Yang bersifat) demikian itulah Rabb alam semesta.’ Di bumi itu, Dia menciptakan gunung-gunung yang kokoh di atasnya. Dia memberkahinya dan padanya Dia menentukan kadar makanan-makanan (penghuni)nya dalam empat hari. (Penjelasan itu sebagai jawaban) bagi orang-orang yang bertanya. Kemudian, Dia menuju langit, sedang langit itu masih merupakan asap, lalu Dia berkata kepadanya dan kepada bumi, ‘Datanglah kamu berdua menurut perintah-Ku dengan suka hati atau terpaksa.’ Keduanya menjawab, ‘Kami datang dengan suka hati.’” [Fushshilat 41: 9-11]

Allah Ta'ala juga menyatakan,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُونَ ﴿٥٢﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٣﴾

“Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia, kecuali supaya mereka menyembah-Ku. Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka tidak pula menghendaki supaya mereka memberi-Ku makan. Sesungguhnya Allah, Dialah Maha Pemberi Rezeki Yang Mempunyai Kekuatan lagi Sangat Kokuh.” [Adz-Dzariyat 51: 56-58]

Oleh karena itu, usaha seorang hamba dalam mengenal dan mempelajari nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah sesuai dengan maksud penciptaannya. Meninggalkan dan meremehkan hal tersebut tergolong melalaikan maksud penciptaannya. Karena, sangatlah tidak layak seorang makhluk yang lemah yang telah mendapatkan berbagai macam keutamaan serta telah merasakan

beraneka ragam kurnia dan nikmat Allah, tetapi ia jahil terhadap *Rabb*-nya serta berpaling dari mengenal kebesaran, nama-nama, dan sifat-sifat-Nya.

Kelima:

Sesungguhnya Allah Ta'ala mencintai nama-nama dan sifat-sifat-Nya serta mencintai timbulnya pengaruh nama-nama dan sifat-sifat-Nya kepada makhluk. Tentunya hal ini merupakan bahagian dari kesempurnaan Allah dengan nama-nama dan sifat-sifat-Nya.

Di antara nama-nama Allah '*Azza wa Jalla* adalah *Ar-Rahman* dan *Ar-Rahim*[3] yang Maha merahmati makhluk dengan berbagai nikmat. -Sebagai contoh-, perhatikanlah surah *Ar-Rahman*, dari awal hingga akhir surah, yang menunjukkan rahmat Allah Ta'ala yang Maha Luas. Pada awal surah, Allah Ta'ala berfirman,

الرَّحْمٰنُ ﴿١﴾ عَلَّمَ الْقُرْاٰنَ ﴿٢﴾ خَلَقَ الْاِنْسَانَ ﴿٣﴾ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ﴿٤﴾ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ ﴿٥﴾
وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴿٦﴾ وَالسَّمَاۗءُ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴿٧﴾ اَلَّا تَطْغَوْا فِى الْمِيزَانِ ﴿٨﴾ وَاَقِيْمُوا
الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿٩﴾ وَالْاَرْضَ وَضَعَهَا لِلْاِنۡسَانِ ﴿١٠﴾ فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْاَكْمَامِ ﴿١١﴾
وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ ﴿١٢﴾ فَبِاٰىءِ الْاٰۤءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

“(Allah) Yang Maha Merahmati, Yang telah mengajarkan Al-Qur`an. Dia menciptakan manusia, Mengajarnya agar pandai berbicara. Matahari dan bulan (beredar) menurut perhitungan. Tumbuh-tumbuhan dan pepohonan tunduk kepada-Nya. Dan Dia telah meninggikan langit dan meletakkan neraca (keadilan) supaya kamu jangan melampaui batas tentang neraca itu. Dan tegakkanlah timbangan itu secara adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu. Dan Allah telah meratakan bumi untuk makhluk-(Nya). Di bumi itu ada buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang. Dan biji-bijian yang berkulit dan bunga-bunga yang baunya harum. Maka nikmat Rabb kamu yang manakah yang kamu dustakan?” [Ar-Rahman 55: 1-13]

Allah '*Azza wa Jalla* juga berfirman,

فَاَنْظُرْ اِلَىۤ اَثَرِ رَحْمَتِ اللّٰهِ كَيْفَ تُمْسِكِ الْاَرْضَۙ بَعْدَ مَوْتِهَاۙ اِنَّ ذٰلِكَ لَمُحِيۡ الْمَوْتِۙ وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْۡءٍ قَدِيۡرٌ

“Maka perhatikanlah bekas-bekas rahmat Allah, bagaimana Allah menghidupkan bumi yang sudah mati. Sesungguhnya (Rabb yang berkuasa seperti) demikian benar-benar (berkuasa) menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.” [Ar-Rûm 30: 50]

Karena rahmat Allah Ta'ala, Allah Ta'ala mencintai hamba-hamba-Nya yang mempunyai sifat merahmati makhluk lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam nas-nas dalil yang sangat banyak.

Allah Ta'ala adalah *Al-'Alim* 'Yang Maha Mengetahui' dan Allah Ta'ala mencintai orang-orang yang berilmu sebagaimana dalam nash-nash dalil yang sangat banyak.

Allah adalah *At-Tawwab* ‘Maha Menerima Taubat’ dan Allah Ta’ala mencintai orang-orang yang bertaubat,

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

“*Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang menyucikan diri.*” [Al-Baqarah 2: 222]

Demikianlah seterusnya.

Ibnul Qayyim *rahimahullah* berkata,:

“Demikianlah keadaan nama-nama Allah yang maha *husna*. Makhluk yang paling Dia cintai adalah siapa saja yang bersifat dengan natijah dari (*Al-Asma` Al-Husna* itu). Sedangkan, (makhluk) yang paling Dia benci adalah siapa saja yang bersifat dengan kebalikan dari (*Al-Asma` Al-Husna* itu). Oleh karena itu, (Allah) membenci orang kafir, zhalim, jahil, yang berhati keras, bakhil, penakut, hina, dan bejat.

Sementara itu, (Allah) *Subhanahu* adalah *Jamil* ‘Maha Indah, Elok’, Cinta kepada keindahan; *Alim*, cinta kepada ulama; *Rahim*, cinta kepada orang yang merahmati; *Muhsin* ‘Maha Memberi Kebaikan’, cinta kepada orang yang berbuat kebaikan; *Syakur* ‘Maha Pembalas Jasa’, cinta kepada orang yang bersyukur; *Shabur* ‘Yang Maha Sabar’ [4] cinta kepada orang yang bersabar; *Jawwad* ‘Maha Dermawan’ [5], cinta kepada orang-orang yang dermawan dan berbuat kebajikan; *Sattar* [6], cinta kepada *As-Sitr*; *Qadir*, mencela kelemahan -“*dan mukmin yang kuat lebih Dia cintai daripada mukmin yang lemah*”-[7]; *Afuw* ‘Maha Pemaaf’, cinta kepada sifat pemaaf; dan *Witr* ‘Yang Maha Satu’, cinta kepada yang witr [8]. Setiap hal yang Allah cintai merupakan pengaruh dan maksud dari nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Sedangkan, setiap hal yang Dia benci berasal dari apa-apa yang bertentangan dan berlawanan dengan (pengaruh dan maksud dari nama-nama dan sifat-sifat-Nya).” [9]

Keenam:

Orang yang benar-benar mengenal Allah ‘*Azza wa Jalla* akan berdalil dengan sifat-sifat dan perbuatan Allah terhadap segala sesuatu yang Dia perbuat dan segala sesuatu yang Dia syariatkan. Karena, seluruh perbuatan Allah adalah keadilan, keutamaan, dan hikmah, yang telah menjadi maksud dari nama-nama dan sifat-sifat-Nya.

Oleh karena itu, tiada suatu apapun yang Dia syariatkan, kecuali sesuai dengan maksud tersebut. Sehingga, segala hal yang Allah beritakan adalah sesuatu yang hak dan benar, sedang segala perintah dan larangan-Nya adalah keadilan dan hikmah.

Misalnya, seorang hamba memperhatikan Al-Qur’an dan segala sesuatu yang Allah Ta’ala beritakan kepada makhluk melalui lisan para Rasul tentang Nama-nama, Sifat-sifat, dan Perbuatan-Nya serta tentang keharusan mensucikan dan membesarkan Allah Ta’ala terhadap segala sesuatu yang tidak layak.

Juga, ia memperhatikan bagaimana perbuatan Allah Ta'ala kepada para wali yang memurnikan ibadah hanya kepada-Nya dan kenikmatan yang mereka peroleh karena itu, ataupun ia memperhatikan bagaimana keadaan orang-orang yang menentang-Nya dan kebinasan akibat perbuatan mereka.

Berdasarkan hal ini, orang-orang yang memahami nama-nama dan sifat-sifat-Nya akan berdalilkan bahwa Allah Ta'ala adalah satu-satu-Nya Ilah yang berhak diibadahi, "Yang Maha mampu atas segala sesuatu", "Yang Maha Mengetahui segala sesuatu", "Yang siksaan-Nya keras", "Maha Pengampun lagi Maha Penyayang", "Yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana", "Yang Maha melakukan segala sesuatu yang Dia kehendaki", dan seterusnya berupa hal-hal yang menunjukkan rahmat, keadilan, keutamaan, dan hikmah Allah *Jalla wa 'Ala*.

Apabila seorang hamba memperhatikan hal di atas, tidaklah diragukan bahwa hal tersebut akan menambah keyakinannya, memperkuat imannya, menyempurnakan tawakkalnya, dan semakin menambah penyerahan dirinya kepada Allah Ta'ala.

Ketujuh:

Mengenal Allah Ta'ala dan mempelajari nama-nama dan sifat-sifat-Nya adalah perniagaan yang sangat menguntungkan. Di antara keuntungannya adalah membuat jiwa menjadi tenang, hati menjadi tenteram, dada menjadi lapang dan bersinar, merasakan keindahan surga Firdaus pada hari kiamat, melihat wajah Allah Yang Maha Agung lagi Maha Mulia, meraih keridhaan Allah Ta'ala, dan selamat dari kemurkaan dan siksaan-Nya. Insya Allah, keuntungan-keuntungan tersebut akan lebih nampak lagi pada huraian *Al-Asma` Al-Husna`* yang akan diterangkan dalam kesempatan akan datang, insya Allah.

Kelapan:

Berilmu tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah Ta'ala adalah penjaga dari ketergelinciran, pembuka pintu amalan shalih, pemacu untuk melakukan segala ketaatan, pengingat dari dosa dan maksiat, pembersih jiwa dari sikap-sikap tercela, penghibur pada masa musibah dan petaka, pengawal dalam menghadapi gangguan syaitan, penyeru kepada akhlak mulia dan fadhilah, serta lain sebagainya yang merupakan buah dan manfaat ilmu *Al-Asma` Al-Husna`*.

Kesembilan:

Mempelajari Nama-nama dan Sifat-sifat Allah Ta'ala adalah dasar pokok untuk mengetahui segala ilmu pengetahuan yang lain. Hal ini karena yang dipelajari -selain ilmu tentang Allah *Ta'ala*- terbagi dua:

1. Makhluk-makhluk yang diadakan dan diciptakan oleh Allah *Ta'ala*.
2. Perintah-perintah yang, dengannya, Allah memerintah makhluk, baik berupa perintah *kauni* maupun perintah *syar'i*.

Sedangkan, Allah Ta'ala telah berfirman,

أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ

“Ingatlah bahwa mencipta dan memerintah hanyalah hak (Allah).” [Al-A’raf 7: 54]

Telah dimaklumi bahwa segala ciptaan dan perintah Allah Ta’ala adalah baik, dibangun di atas kemaslahatan, rahmat, dan kasih sayang untuk segenap makhluk. Seluruh hal tersebut adalah pengaruh dari kandungan *Al-Asma` Al-Husna`*.

Oleh karena itu, para ulama mengatakan bahwa penciptaan dan perintah bersumber dari *Al-Asma` Al-Husna`* Allah *Jalla Jalaluhu*. Sebagaimana, segala sesuatu yang ada -selain Allah- adalah karena diadakan oleh Allah, sedang keberadaan selain-Nya adalah ikut kepada keberadaan-Nya, dan makhluk yang dicipta ikut kepada Yang Menciptakannya maka demikian pula ilmu tentang Allah adalah sumber segala ilmu yang lain. Oleh karena itu, berilmu tentang *Al-Asma` Al-Husna`* adalah sumber ilmu pengetahuan yang lain.[10]

Kesepuluh:

Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda,

إِنَّ ۙ تِسْعَ وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ

“*Sesungguhnya Allah memiliki sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Barangsiapa yang menghitung (nama-nama) tersebut, ia akan dimasukkan ke dalam surga.*” (HR Bukhari no.6410, Muslim no. 2677 dari Abu Hurairah *radiallahu ‘anh*)

Insya Allah, akan datang, pembahasan yang berkaitan dengan makna menghitung *Al-Asma` Al-Husna`*, bahwa maknanya bukan hanya sekadar menjumlah dan menghafalkannya, melainkan juga mengetahui makna dan kandungannya sehingga tiada jalan bagi siapa saja yang ingin meraih keutamaan yang tersurat dalam hadits di atas, kecuali dengan mempelajari *Al-Asma` Al-Husna`* sesuai dengan jalan yang benar dan pemahaman lurus.

Kesebelas:

Ayat-ayat yang menyebutkan nama-nama dan sifat-sifat Allah Ta’ala kedudukannya yang paling agung dalam Al-Qur’an Al-Karim melebihi ayat lain[11]. Oleh karena itu, ayat yang paling agung adalah ayat Kursi -yang mengandung sejumlah sifat dan beberapa nama Allah- sebagaimana yang diterangkan dalam hadits Ubay bin Ka’ab *radiallahu ‘anh* bahwa Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wa sallam* bertanya kepada beliau,

يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَكْبَرُ قَالَ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَكْبَرُ قَالَ يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَكْبَرُ قَالَ قُلْتُ { اللَّهُ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ } قَالَ فَضْرَبَ فِي صَدْرِي وَقَالَ وَاللَّهِ لِيَهَيْكِ الْعِلْمُ أَبَا الْمُنْذِرِ

“*Wahai Abul Mundzir (Ubay), ayat apa yang paling agung dari kitab Allah yang kamu hafal?*” Saya (Ubay) menjawab, “Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui.” Beliau (kembali) bertanya, “*Wahai Abul Mundzir, ayat apa yang paling agung dari kitab Allah yang kamu hafal?*” Saya menjawab, “*Allahu La Ilaha Illa Huwal Hayyul Qayyûm* [ayat Kursi],” maka

beliau memukul dadaku seraya berkata, “*Demi Allah, ilmu akan membahagiakanmu, wahai Abul Mundzir.*” [12]

Demikian pula keberadaan dan keutamaan surah Al-Fatihah yang telah dikenal dan dimaklumi, di antaranya adalah sabda Nabi *shallallahu ‘alaihi wa sallam* dalam menyifatkan surah Al-Fatihah,

هِيَ أَكْبَرُ السُّورِ فِي الْقُرْآنِ

“(Al-Fatihah) itu adalah seagung-agung surah dalam Al-Qur`an.” [13]

Juga keutamaan surah Al-Ikhlash yang mengandungi nama-nama dan Sifat-sifat Allah Ta’ala. Salah satu keutamaannya tertera dalam sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wa sallam*,

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّهَا تَعْدِلُ ثَلَاثَ الْقُرْآنِ

“*Demi Yang jiwaku berada di tangan-Nya, sesungguhnya (surah Al-Ikhlash) itu senilai sepertiga Al-Qur`an.*” [14]

Keterangan di atas menunjukkan keagungan dan kemuliaan mempelajari nama-nama dan sifat-sifat Allah ‘*Azza wa Jalla*.

Demikianlah beberapa hal yang menunjukkan pentingnya mempelajari *Al-Asma` Al-Husna* dan betapa perlunya seorang hamba untuk mendalaminya.

Perlu diingatkan pula bahwa pembahasan *Al-Asma` Al-Husna* bersumber dari Al-Qur`an dan Sunnah, bukan bersumber dari akal, perasaan, eksperimen, inspirasi, dan adat istiadat.

Ini adalah kaedah dasar yang harus diingatkan dalam tulisan ini mengingati bahwa ramai di antara kaum muslimin yang tertipu dengan kepandaian sebahagian orang, yang hanya berlari di belakang dunia atau terkongkong oleh hawa nafsu dan was-was syaithan, dengan membawakan kandungan dan manfaat *Al-Asma` Al-Husna* yang tidak pernah ditunjukkan oleh tuntunan Al-Qur`an dan Sunnah.

Semoga Allah Ta’ala memudahkan segala sebab kebaikan untuk kita semua dan menjauhkan kita semua dari segala keburukan.

Wallahu Ta’ala A’lam.

[1] Bacalah *Ahkam Al-Qur`an* 2/793 -dengan perantara kitab *Asma`ullah wa Shifatuhu* karya Al-Asyqar hal. 23-.

[2] *At-Taudhih wa Al-Bayan Li Syajarah Al-Iman* hal. 41.

[3] Nama *Ar-Rahman* dan *Ar-Rahim* berasal dari kata *rahmat*. Terdapat rincian makna kata *rahmat* pada nama *Ar-Rahman* dan kata *rahmat* pada nama *Ar-Rahim*. Insya Allah, penjelasan tentang makna dan kandungan kedua nama itu akan datang.

[4] Ada perbincangan berkaitan keabsahan penamaan ini. Insya Allah, pembahasannya akan datang.

[5] Ada perbincangan berkaitan keabsahan penamaan ini. Insya Allah, pembahasannya akan datang.

[6] Ada perbincangan berkaitan keabsahan penamaan ini. Insya Allah, pembahasannya akan datang.

[7] Petikan dari hadits Abu Hurairah *radiallahhu 'anhuriwayat* Muslim.

[8] *Yang witr* mempunyai banyak kandungan makna. Insya Allah, hal ini akan diuraikan dalam pembahasan nama *Al-Witr*.

[9] *Idah Ash-Shahbirin* hal. 241. Baca jugalah *Madarij As-Salikin* 1/420 dan *Miftah Dar As-Sa'adah* 1/3.

[10] Demikian makna keterangan Ibnul Qayyim dalam kitabnya, *Bada'i' Al-Fawa'id* 1/163.

[11] Bacalah keterangan Ibnu Taimiyah dalam *Da' At-Ta'arudh baina Al-'Aql wa An-Naql* 5/310-313.

[12] Dikeluarkan oleh Muslim no. 810 dan Abu Dawud no. 1460.

[13] Dikeluarkan oleh Al-Bukhary, Abu Dawud no. 1458, An-Nasa'iy 2/193, dan Ibnu Majah no. 3785 dari Abu Sa'id Al-Mu'allā *radhiyallahu 'anhu*.

[14] Dikeluarkan oleh Al-Bukhary, Abu Dawud no. 1461, dan An-Nasa'iy 2/171 dari Abu Sa'id Al-Khudry *radhiyallahu 'anhu*. Dikeluarkan pula oleh Muslim no. 812, At-Tirmidzy no. 2899, dan Ibnu Majah no. 3738 dari Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu*. Juga dikeluarkan oleh Muslim no. 811 dari Abu Darda' *radhiyallahu 'anhu*.

C. Kaedah-Kaedah Dalam Memahami Tauhid Asma' wa Sifat⁵

Kaedah 1

Percaya dan membenarkan akan segala yang datang di dalam al Quran dan segala hadis yang shahih daripada segala nama dan sifat Allah Ta'ala .

Allah Ta'ala berfirman:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْأَبْنَىٰ بَغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْمُونَ ﴿٢٥﴾

“Katakanlah: “Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, sama ada yang nampak atau pun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui”

(Surah al-A'raaf, 7: 33)

⁵ Kaedah-kaedah ini diambil dari ;

- Untuk Kaedah Pertama hingga Kaedah Ketiga** diambil dari perkataan asy Syeikh rahimahullah dari kitabnya yang lain iaitu “**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**” ms 31, terbitan Al-Hidayah,2012 seperti yang dijelaskan pada **nota kaki 2**
- Untuk Kaedah ke-Lima hingga Kaedah ke-Sebelas** diambil dari perkataan asy Syeikh Alawy bin Abdul Qadir As-Segaf dalam kitabnya yang bertajuk ;”**Mengungkap Kesempurnaan Sifat-Sifat Allah Dalam Al-Quran & As-Sunnah**,terbitan Pustaka Azzam,2000

Tidak ada cara lain dalam menentukan nama atau sifat bagi Allah, melainkan Dia sendiri yang menentukannya dan megkhabarkannya melalui Kitab-Nya dan Sunnah Rasul-Nya.

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مَبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

“Dan Al-Quran itu adalah kitab yang Kami turunkan yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.” (Surah al-An’am, 6: 155)

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua, iaitu Allah yang mempunyai kerajaan langit dan bumi; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Yang menghidupkan dan mematikan, maka berimanlah kamu kepada Allah Ta’ala dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimat-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia, supaya kamu mendapat petunjuk”.” (Surah al-A’raaf, 7: 158)

Imam asy-Syafi’e rahimahullah menjelaskan:

“Allah Ta’ala memiliki beberapa Nama dan Sifat yang tidak boleh bagi sesiapa pun yang telah ditegakkan hujjah kepadanya, lalu menolaknya. Sesiapa yang menolaknya setelah hujjah ditegakkan kepadanya, maka dia telah kafir.

Ada pun sekiranya hujjah belum ditegakkan, maka dia dimaafkan disebabkan kejahilannya, kerana mengetahui perkara seperti ini tidak dapat dipelajari dengan akal, merenung, dan berfikir. Maka, wajib ditetapkan sifat-sifat ini dan wajib dihilangkan penyerupaan dengan makhluk, sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Allah di dalam firman-Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

“Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia...” (Surah asy-Syura, 42: 11).

(Ibnu Taimiyyah, ar-Risalah al-Madaniyyah, m/s. 121. Ibnul Qayyim, Ijtima’ al-Juyusy al-Islamiyyah, m/s. 59. al-Albani, Mukhtashar al-Uluw, m/s. 177)

Imam Ahmad rahimahullah berkata:

“Kita katakan sebagaimana yang Allah Ta’ala firmankan, dan kita mensifati-Nya sebagaimana Dia mensifati Diri-Nya sendiri dan tidak melebihinya. Sifat Allah Ta’ala tidak boleh dijangkau oleh sesiapa pun juga, kita beriman dengan semua yang terdapat dalam al-Qur’an sama ada yang muhkam (ayat yang jelas) atau pun yang mutasyabih (ayat yang samar), kita tidak akan pernah menghilangkan satu pun dari sifat-sifat-Nya hanya kerana sebuah celaan, kita tidak akan melampaui apa yang terdapat dalam al-Qur’an dan as-Sunnah, kita tidak akan dapat mengetahui hakikat semua sifat Allah Ta’ala melainkan dengan keterangan yang sahih dari Rasulullah

sallallahualaihi wa sallam dan ketetapan dari al-Qur'an." (Ibnul Jauzi, Manaqib Imam Ahmad, m/s. 156. Ibnul Qayyim, ash-Shawaiq al-Mursalah, 1/265)

Imam Ibnu Qudamah rahimahullah berkata:

“Keseluruhan Sifat Allah Ta’ala yang telah disebutkan di dalam al-Qur’an atau hadis Rasulullah sallallahualaihi wa sallam yang sahih, maka wajib bagi kita untuk mengimaninya dan menerimanya dengan tanpa ta’thil (penolakan), tanpa ta’wil (menyelewengkan), tasybih (menyerupakan), dan tamtsil (menyamakan).” (Ibnu qudamah, Lum’atul I’tiqad al-Haadii ilaa Sabilir Rasyad, no. 2. Dengan syarah oleh Syaikh Muhammad al-Utsaimin, tahqiq/takhrij oleh Abu Muhammad Asyraf)

Kaedah 2

Dan mensifatkan Allah Ta’ala dengan dia atas hakikat, dengan ketiadaan menyerupakan dan memalingkan daripada zahirnya (“Mengambil Zahir ayat/lafaz”)

Wajib untuk menetapkan nash al-Qur’an dan as-sunnah pada zahirnya tanpa mengubahnya sedikit pun kerana Allah Ta’ala telah menurunkan al-Qur’an dengan bahasa Arab dan Rasulullah sallallahualaihi wa sallam pun juga berbicara dengan menggunakan bahasa Arab, maka kewajiban kita adalah menetapkan hukum yang ditunjukkan oleh Firman Allah Ta’ala dan Sabda Rasulullah sallallahualaihi wa sallam berdasarkan bahasa aslinya. Kerana perbuatan mengubah lafaz tertentu dari nama-nama Allah Ta’ala tanpa dalil, hukumnya adalah haram.

Ini adalah berdasarkan firman Allah Ta’ala:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْمُونَ ﴿٣٣﴾

“Katakanlah: “Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, sama ada yang nampak atau pun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui”

(Surah al-A’raaf, 7: 33)

Sebagai contoh adalah firman Allah Ta’ala :

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

“Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang semestinya padahal bumi seluruhnya dalam genggaman-Nya pada hari kiamat dan langit digulung dengan tangan kanan-Nya.” (Surah az-Zumar, 39: 67)

وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا بِمَا قَالُوا ۗ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ

“...tetapi kedua-dua tangan Allah terbuka. Dia menafkahkan sebagaimana yang Dia kehendaki.”
(Surah al-Ma'idah, 5: 64)

Dari Zahir ayat tersebut kita dapati ia menyatakan bahawa Allah Ta'ala memiliki dua tangan yang sebenarnya. Maka, adalah wajib bagi kita menetapkan hakikat dua tangan bagi Allah Ta'ala.

Maka, lafaz tangan (*yadun*) perlu ditetapkan sebagai tangan. Tidak boleh ditukar atau diselewengkan dengan gantian maksud yang lain yang menyimpang dari makna zahir lafaz yang asal.

Kaedah 3

Wajib atas tiap-tiap mukallaf mensifatkan Allah Ta'ala dengan barang yang mensifatkan Ia dengan dia akan dirinya. Dan dengan barang yang mensifatkan dengan dia oleh Rasul-Nya.

Sifat Allah Ta'ala adalah *tauqifiyah* (telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala), maka tidak ada yang ditetapkannya kecuali yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala bagi diri-nya sendiri, atau ditetapkan oleh Rasulullah sallallahualaihi wa sallam dan tidak ada pula yang ditiadakannya kecuali yang telah ditiadakan oleh Allah Ta'ala bagi diri-Nya atau duduakan oleh Rasulullah sallallahualaihi wa sallam bagi-Nya.

Ini kerana tidak ada seorang pun yang lebih mengetahui daripada Allah Ta'ala dan tidak ada satu makhluk pun yang lebih mengetahui Pencipta-Nya daripada Rasulullah sallallahualaihi wa sallam.

Kaedah 4 :

Mendiamkan Apa Yang Tidak Disebutkan Oleh Allah Ta'ala dan Rasul-Nya Tentang Nama dan Sifat-Nya

Hendaklah kita berhenti dari menyebutkan apa yang tidak disebutkan/ditetapkan oleh Allah Ta'ala dan Rasul-Nya. Hendaklah kita menetapkan sebagaimana yang ditetapkan. Dan menafikan sebagaimana yang dinafikan.

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ

“...dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya.”
(Surah al-Baqarah, 2: 255)

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak memiliki pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semua itu akan bertanggungjawab dengannya.” (Surah al-Isra', 17: 36)

Sifat-sifat Allah Ta'ala adalah Tauqifiyyah (baku), maka tidak ada yang wajib ditetapkan melainkan apa yang telah Dia sendiri tetapkan, atau ditetapkan melalui Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam , dan tidak pula ditiadakan (dinafikan) melainkan apa yang ditiadakan oleh Allah Ta'ala bagi diri-Nya atau ditiadakan oleh Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam . (Ibnu Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, 5/26)

Kaedah ke-5

Sifat-Sifat Allah Ta'ala Tidak Ada Batasannya

Ini berdasarkan sabda Nabi sallallahu'alaihi wa sallam dalam hadis yang masyhur ;

أَسَأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هَوَّلَكَ سَمِيَّتٌ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتُ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ

“*Aku memohon kepada-Mu dengan dengan setiap nama yang menjadi milik-Mu,yang Engkau namakan diri-Mu dengannya,atau yang Engkautututunkan dalam kitab-Mu, atau yang Engkau sembunyikan dalam ilmu ghaib di sisi-Mu.*” .(HR Ahmad(1/394,452) disahihkan oleh Ibnu Hibban(2372),al Hakim(1/519)

Dalam hadis ini,Allah Ta'ala menyebutkan tiga macam nama-Nya:

1. Nama yang Allah Ta'ala namakan diri-Nya dengannya,yang Allah Ta'ala beritahukan nama itu kepada hamba yang Ia kehendaki dari kalangan malaikat atau selain mereka.Namun nama ini tidak Allah Ta'ala sebutkan dalam Kitab-Nya.
2. Nama yang Allah Ta'ala sebutkan dalam Kitab-Nya,Allah Ta'ala memperkenalkan diri-Nya dengan nama itu kepada hamba-Nya.
3. Nama yang Ia sembunyikan dalam ilmu ghaib-Nya,Ia tidak memberitahukannya kepada seorang pun di antara makhluk-Nya.

(Asy Syeikh Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin,Aqidah Salaf...,Pustaka Sumayyah,1427H ms 47-70)

Hendaklah diketahui setiap nama mengandungi sifat,sebagai tidak sebaliknya (sifat yang ditetapkan bagi Allah Ta'ala tidak selalu mengandungi nama).

Contoh nama Allah Ta'ala :

“Maha Pengasih” (al Rahman) mengandungi sifat “kasih sayang”, Maha Mulia,mengandungi sifat Mulia,Maha Lembut mengandungi sifat Lembut...dan seterusnya.

Tetapi sifat-sifat-Nya seperti: Kehendak, Datang,Bersemayam,;kita tidak mengambil nama dan sifat-sifat tersebut,sehinggalah kita mengatakan,“ Yang Berkehendak,Yang Maha Datang, Dah Yang Maha Bersemayam.....dan seterusnya.

Kaedah ke- 6

Sifat Allah Ta'ala Tidak Sama (Tidak Boleh Disetarakan) Dengan Sifat Makhluk”

Allah Ta'ala berfirman:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

“Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha Mendengar dan Melihat.” (Surah asy-Syura, 42: 11)

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

“... dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia” (Surah al-Ikhlash, 112: 4)

Maka, wajib kita menjauhi :

a) **Tamsil**, yaitu menyerupakan.

Di mana kita dilarang menyamakan sifat Allah Ta’ala dengan sifat makhluk. Sebagai contohnya, kita dilarang menyerupakan atau menyebutkan, “Tangan Allah Ta’ala itu seperti tangan manusia.”

b) **Takyif**, yaitu mepersoalkan dan membagaimanakan.

Termasuk dalam kategori ini adalah dengan mengkhayalkannya atau membayangkannya (berimajinasi). Sifat Allah Ta’ala tidak diketahui kaifiyahnya.

c) **Tasybih**, yaitu menyerupakan Allah Ta’ala dengan makhluk.

Ishaq bin Rahawih rahimahullah mengatakan, “*Tasybih (penyerupaan) hanya terjadi ketika seseorang mengatakan, “Tangan seperti tanganku, pendengaran seperti pendengaranku”. Inilah (yang dinamakan) penyerupaan.*

Ada pun jika seseorang mengatakan seperti firman Allah Ta’ala , “Tangan, pendengaran, dan penglihatan”, kemudian tidak menyatakan “bagaimana” dan “seperti”, tidak termasuk penyerupaan (tasybih).

Seandainya penetapan sifat “Tinggi” bagi Allah Ta’ala bererti penyerupaan (tasybih), maka setiap orang yang menetapkan sifat-sifat lain bagi Allah Ta’ala seperti Dia hidup, Berkuasa, Mendengar, dan Melihat, termasuk golongan yang menyerupakan juga.

Hal seperti ini tidak mungkin dikatakan oleh seseorang muslim yang menisbatkan dirinya kepada Ahlu Sunnah wal Jama’ah. Berbeza dengan orang-orang yang menafikan (meniadakan) sifat-sifat, seperti golongan Mukhtashar dan lain-lainnya.” (al-Albani, Mukhtashar al-‘Uluw li ‘Aliyyil Ghaffar, m/s. 69-70)

d) **Ta’thil**, yaitu menolak, menghilangkan, mengingkari, atau menafikan sifat-sifat Allah Ta’ala sama ada sebahagian darinya atau keseluruhan sifat-sifat yang telah Allah Ta’ala sendiri tetapkan bagi-Nya.

e) *Tahrif* atau *ta'wil*, iaitu mengubah atau menyelewengkan lafaz atau makna sebenar dari sifat-sifat Allah Ta'ala yang telah Dia tetapkan bagi Diri-Nya.

f) *Tafwid*, iaitu menyerahkan lafaz yang menunjukkan sifat atau nama Allah Ta'ala tanpa mahu menetapkan bahawa lafaz tersebut mengandungi maknanya yang dinisbatkan kepada Allah Ta'ala.

Oleh itu, kita menetapkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah Ta'ala dan Rasul-Nya. tanpa melakukan penyelewengkan sebagaimana yang dijelaskan.

Allah Ta'ala berfirman:

وَلَا تُحِيطُونَ بِهِـ عِلْمًا ﴿١١٠﴾

“... ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya” (Surah Thaha, 20: 110)

Kaedah ke-7 :

Sifat Allah Ta'ala Tidak Diketahui Kaifiyahnya (Bagaimananya)

Makna sifat-sifat Allah Ta'ala yang ditetapkan berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah dapat diketahui dan difahami maknanya, tiada majaz atau kiasan sama sekali di dalamnya. Manakala cara-caranya (kaifiyahnya) tidak diketahui (abstrak). (Ibnu Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, 2/36. Rujuk juga: Ibnu Utsaimin, al-Qowa'idul Mutla, m/s. 105)

Allah Ta'ala berfirman:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

“Sesungguhnya Kami menurunkan al-Qur'an dengan bahasa Arab supaya kamu boleh memahaminya.” (Surah az-Zukhruf, 43: 3)

Sebagaimana penjelasan asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah dalam kitabnya “Perisai Bagi Sekalian Mukallaf...” ketika menjelaskan hal ini dengan katanya;

Bertanya seorang lelaki akan Imam Malik rahimahullah daripada ayat:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٥٠﴾

Ertinya: “Bermula Tuhan yang sangat pemurah tetap(istiwa’) Ia di atas ‘Arasy” (Thaha :5).

Maka menundukkan Imam Malik rahimahullah akan kepalanya pada masa yang panjang, kemudian berkata ia :

”Bermula (tetap) itu diketahui akan dia, dan kelakuan-Nya tiada dapat dengan ‘aql, dan beriman dengan Dia wajib, dan bertanya daripadanya bid’ah. Dan tiada aku sangka akan dikau melainkan sesat .

(الاستيواء معلوم والكيف مجهول والإيمان به واجب والسؤال عنه بدعة)

Maka dihalau akan dia. Pendeknya, sifat Allah T’ala bersalah-salahan dengan zat baharu, dan tiada mengetahui oleh makhluk akan hakikat sifat Allah Ta’ala sekali pun rasul dan malaikat, seperti tiada mengetahui oleh yang baharu akan hakikat zat-Nya yang Maha Mulia.

Kaedah ke- 8:

Sifat Allah Ta’ala Terbahagi Kepada Dua Iaitu *Tsubutiyah* dan *Salbiyah*

a. Tsubutiyah ;

Iaitu sifat yang ditetapkan Allah Ta’ala untuk diri-Nya seperti *Al Hayah*, *Al Alim*, *Al Qudrah*. Sifat ini wajib kita tetapkan pada Allah Ta’ala sesuai dengan keagungan-Nya karena Allah Ta’ala sendiri menetapkan sifat tersebut untuk diri-Nya dan Allah Ta’ala lebih mengetahui tentang sifat diri-Nya.

b. Salbiyah ;

Iaitu sifat yang Allah Ta’ala nafikan (tiadakan) untuk diri-Nya seperti dzalim. Sifat ini wajib kita nafikan pada Allah Ta’ala karena Allah Ta’ala telah menafikan sifat tersebut pada diri-Nya. Dan kita wajib untuk menetapkan pada Allah Ta’ala sifat yang merupakan lawannya yaitu sifat yang menunjukkan sifat kesempurnaan. Penafian tidak sempurna tanpa menetapkan kebalikannya.

Contohnya, Firman Allah Ta’ala :

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿١٨﴾

“Dan Rabmu tidak menganiaya seorang jua pun.” (*Al Kahfi* 18: 49)

Kita wajib menafikan sifat Zalim dari Allah Ta’ala disertai dengan keyakinan menetapkan sifat adil bagi Allah Ta’ala yang mana sifat adil tersebut dalam bentuk yang sempurna.

a) Sifat *Tsubutiyah* terbagi menjadi dua, yaitu sifat *Dzatiyah* dan sifat *Fi’liyah*

i. Sifat *dzatiyah*

Iaitu sifat yang terus-menerus ada (selalu melekat) pada diri Allah Ta’ala seperti sifat *As Sama*, *Al Bashrah*

ii. Sifat *fi'liyah*

Iaitu sifat yang terikat dengan kehendak Allah Ta'ala . Jika Allah Ta'ala menghendaki maka Dia melakukannya dan jika Allah Ta'ala tidak menghendaki maka Dia tidak melakukannya.

Contohnya sifat *Istiwa'* di atas *arsy*, sifat *Maji'* (datang)

Dan ada beberapa sifat yang termasuk sifat *Dzatiyah* sekaligus *Fi'liyah* jika dilihat dari dua sisi. Contohnya sifat *Kalam* (berbicara). Dilihat dari sisi asalnya sifat tersebut merupakan sifat *Dzatiyah* karena Allah senantiasa berbicara. Tetapi jika dilihat dari sisi lain, kalam merupakan sifat *fi'liyah* karena Allah Ta'ala berbicara tergantung pada kehendak-Nya. Dia berbicara bila dan bagaimana Dia kehendaki.

Kaedah ke- 9 :

Semua Nama Allah Ta'ala Adalah Baik (*حسنى/Husna*) Dan Tinggi

Dalam kebaikan Allah-lah yang paling tinggi karena nama Allah Ta'ala mengandung sifat yang sempurna, tidak ada kekurangan di dalamnya dari segala sisi.

وَالْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

“Dan bagi Allah asmaul husna” (Al A'raf 7: 180)

Semua nama-nama Allah Ta'ala adalah *husna*, kerana nama-nama tersebut mengandungi/menunjukkan Sifat-sifat yang sempurna tanpa kekurangan dari sisi mana pun,tanpa *ihthimal*(kemungkinan mempunyai erti yang buruk) dan tanpa *taqdir*(perkiraan adanya makna yang buruk).

Sebagai contoh:

Al Hayyu (الحي), Yang Maha Hidup,adalah salah satu nama Allah Ta'ala yang menunjukkan adanya sifat kehidupan yang sempurna pada diri Allah Ta'ala, yang tidak didahului oleh ketidakberadaan dan tidak diikuti oleh kebinasaan. Kehidupan yang mengandung kesempurnaan Sifat-sifat berupa Ilmu,Qudrah(Kemampuan),Pendengaran,Penglihatan,dan lain-lain.

Kaedah ke-10:

“Nama-nama Allah Ta'ala Tidak Dibatasi Dengan Bilangan Tertentu”

Kaidah ini didasari doa Nabi sallallahualaihi wa sallam yang masyhur,

أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ

“Aku memohon kepada-Mu dengan dengan setiap nama yang menjadi milik-Mu,yang Engkau namakan diri-Mu dengannya,atau yang Engkaututunkan dalam kitab-Mu, atau yang Engkau sembunyikan dalam ilmu ghaib di sisi-Mu.” (HR Ahmad(1/394,452) disahihkan oleh Ibnu Hibban(2372),al Hakim(1/519)

Lalu bagaimana menggabungkan dengan hadits berikut, dari Abu Hurairah bersabda Rasulullah sallallahualaihi wa sallam,

إِنَّ فِي تِسْعَةِ وَسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ

“Sesungguhnya ada 99 nama milik Allah, barang siapa yang menghafal dan memahaminya niscaya akan masuk syurga” (HR. Bukhari no.6410 dan Muslim no.2677)

Makna hadits ini adalah: **Diantara nama Allah ada 99 nama yang jika kita menjaganya kita akan masuk syurga.** Dan tidaklah dimaksudkan disini membatasi nama Allah hanya 99. Kita dapat melihat hal ini dengan contoh perkataan;

“Saya mempunyai RM100 untuk disedekahkan”. Maka pernyataan ini tidak menafikan kalau saya mempunyai wang yang lain yang saya peruntukkan untuk selain sedekah.

Kaedah ke- 11:

“Setiap Nama Allah Ta’ala Mengandung Sifat”

Setiap nama yang ditetapkan bagi Allah Ta’ala, maka ia mengandung sifat, manakala sebaliknya penetapan bagi sifat tidak semestinya mengandung (penetapan) untuk Nama. (Ibnul Qayyim, Badai’ al-Fawa’id, 1/162. Ibnu Utsaimin, al-Qowaidul Mutsala, m/s. 30)

Berdasarkan sebuah hadis dari doa Rasulullah sallallahualaihi wa sallam : Daripada Ibnu Mas’ud radiallahhu’ anhu,

أَسَأَلَكَ بِكُلِّ اسْمٍ هَوَّلَكَ سَمِيتَ بِهِ نَفْسَكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ

“Aku memohon kepada-Mu dengan dengan setiap nama yang menjadi milik-Mu,yang Engkau namakan diri-Mu dengannya,atau yang Engkaututunkan dalam kitab-Mu, atau yang Engkau sembunyikan dalam ilmu ghaib di sisi-Mu.” (HR Ahmad(1/394,452) disahihkan oleh Ibnu Hibban(2372),al Hakim(1/519)

Wallahua 'lam .

Semoga bermanfaat ilmu yang telah disampaikan .الحمد لله. InsyAllah akan bersambung penjelasan pada kuliah akan datang berkaitan matan yang disampaikan oleh asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah.